



AUDIT NEGARA

2012

DISIASAT



4

Audit Negara 2012:
Salah Siapa?

10

Rasuah Menindas
Sesama Manusia.

12

Integriti Penting Elak
Rasuah



Sidang REDAKSI

PENERBIT

Tan Sri Abu Kassim Mohamed

PENERBIT ESEKUTIF

Datuk Sutinah Sutan

PENASIHAT ESEKUTIF EDITORIAL

Datuk Shamsun Baharin Mohd. Jamil

KETUA EDITORIAL

Samsul Salip

EDITOR

Muhammad Yusof Bahir

WARTAWAN

Faridah Mahabob

KETUA REKABENTUK GRAFIK

Lee Cheng Teik

UNIT FOTO

Rosman Abu Bakar

Muhammad Multazam Mohd. Shuhaini

UNIT PENGEDARAN

Azizi Arifin

Yusof Mohamad Saberi

BULETIN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

kandungan

KANDUNGAN/ SIDANG REDAKSI

PENA PENGARANG

Transformasi Menjana Kecemerlangan

Laporan Ketua Audit Negara Disiasat

JKTU Semak dan Kaji Dasar Kerajaan

Petronas Diiktiraf Bagi Komitmen Tadbir Urus Korporat

Lensa SPRM

Rasuah Menindas Sesama Manusia

Ketua Pesuruhjaya SPRM Terima Anugerah Sultan Brunei

SPRM-KPK Wujudkan 'Operational Working Group'

MPKK Sertai CIP

Integriti Penting Elak Rasuah

TIDBITS

PERCETAKAN Info Meditasi Sdn. Bhd. No. 44, Jalan Seri Aman, Taman Seri Aman, Cheras, 43200, Cheras, Selangor, 43200, Malaysia
TEL 03-9074 9550 **FAKS** 09-9074 9550 **PENERBIT/ PENGEDAR/ PROMOSI** Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Aras 4, Blok D6, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Peti Surat 6000, 62007 Putrajaya.

Buletin SPRM diterbitkan oleh Seksyen Penerbitan dan Promosi Media, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan berkonsepkan "Informasi Dikongsi Rasuah Dihindari". Artikel-artikel dalam buletin ini hanyalah pandangan peribadi penulis, bukan dasar atau kenyataan rasmi SPRM dan tiada kaitan dengan mana-mana pihak. Buletin ini diedarkan secara percuma kepada sektor kerajaan, badan berkanun, swasta dan perpustakaan IPTA/IPTS seluruh negara.

BULETIN
SURUHANJAYA
PENCEGAHAN
RASUAH
MALAYSIA

Pena Pengarang



Datuk Shamsun Baharin Mohd. Jamil
Penasihat Eksekutif Editorial

KETIRISAN MEMBIMBANGKAN

Jika diteliti Laporan Ketua Audit Negara 2012 yang dikeluarkan pada 1 Oktober lepas, apa yang dipaparkan tidak ada bezanya dengan laporan yang pernah dibentangkan sejak tiga atau empat tahun lepas. Tiada perubahan, malah ia mendedahkan lebih banyak kelemahan pelaksanaan dan ketidakcekapan jentera kerajaan.

Tahun demi tahun, laporan yang sama masih mengemukakan jumlah kerugian yang luar biasa tinggi disebabkan perbelanjaan sesetengah agensi kerajaan yang tidak berhemah dan berhati-hati.

Apakah Laporan Audit yang mendedahkan penyakit sama tahun demi tahun itu sekadar untuk tatapan, dan tidak pernah diambil serius untuk menjadi penggalak perubahan kepada sistem sedia ada.

Diketika kepimpinan kerajaan berusaha melakukan transformasi terhadap tadbir urus, teguran Ketua Audit Negara mengenai kelemahan pengurusan kewangan, pengurusan hasil, perancangan dan pemantauan serta mengawal perbelanjaan, seluruh jentera kementerian, jabatan dan agensi kerajaan seharusnya memberi perhatian serius akan teguran itu dengan bertindak segera memperbaiki kelemahan sistem yang terbukti gagal mengurus dana awam.

Tiada tindakan dari ketua-ketua jabatan mengundang pelbagai persepsi negatif. Ia menjadi lebih teruk sekiranya tiada sebarang usaha dibuat untuk memberi pengajaran setimpal kepada mereka yang terbukti gagal melaksanakan amanah dengan sebaiknya. Sekadar surat teguran sebenarnya tidak menakutkan sama sekali mana-mana penjawat awam yang didapati bersalah untuk mengulangi kesalahan yang sama. Semua ini akan mencalar imej dan wibawa jentera kerajaan seterusnya merencatkan transformasi tadbir urus, malah perbuatan ini boleh diibaratkan sebagai

suatu bentuk sabotaj kepada niat perubahan yang diinginkan.

Bagi menyekat kepincangan seperti dilaporkan Ketua Audit Negara tidak terus berulang, prosedur perundangan baharu perlu digubal bagi mengenakan tindakan kepada penjawat awam yang membelakangkan kepentingan awam sehingga

Diketika kepimpinan kerajaan berusaha melakukan transformasi terhadap tadbir urus, teguran Ketua Audit Negara mengenai kelemahan pengurusan kewangan, pengurusan hasil, perancangan dan pemantauan serta mengawal perbelanjaan, seluruh jentera kementerian, jabatan dan agensi kerajaan seharusnya memberi perhatian serius akan teguran itu dengan bertindak segera memperbaiki kelemahan sistem yang terbukti

gagal mengurus dana awam.

merugikan negara.

Bukan semua kes yang dilaporkan kepada SPRM boleh disiasat di bawah Akta SPRM 2009. Hanya pemberian dan penerimaan rasuah, tuntutan palsu dan pemberian projek kepada kroni terletak di dalam bidang kuasa siasatan SPRM.

Sedangkan dalam perkara ini, kepincangan yang terjadi lebih banyak melibatkan masalah dalaman. Ia berlaku disebabkan kelemahan pentadbiran, kecuaiian, kelalaian malah mungkin kebobrohan.

Sebab itu penambahbaikan dalam prosedur sedia ada diperlukan. Di sinilah pentingnya diwujudkan Unit Integriti di setiap agensi kerajaan sebagaimana yang diputuskan kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013, bagi memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul seterusnya membendung salah laku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan mereka.

Unit ini akan berperanan melakukan kawalan dalaman dalam aspek integriti dan bertanggungjawab melaksanakan enam fungsi teras iaitu memastikan tadbir urus terbaik, pengukuhan integriti, mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah dan mengambil tindakan sewajarnya serta melaporkan kepada agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab, bertindak ke atas aduan, memastikan undang-undang dan peraturan dipatuhi dan melaksanakan fungsi urus setia lembaga tatatertib.

Dengan adanya Unit ini, usaha memperkasa dan memantapkan tadbir urus perkhidmatan kerajaan memberi perkhidmatan yang efisien, telus, adil dan profesional bukanlah sesuatu yang mustahil.

Malah sekiranya penubuhan unit ini dihayati sepenuhnya oleh semua agensi kerajaan dengan memberi perhatian, keutamaan dan fokus kepada fungsinya, laporan audit negara yang akan dibentangkan pada tahun hadapan akan sekali lagi memeranjatkan rakyat Malaysia, tetapi dalam persepsi sebaliknya, seterusnya menepis segala tohmahan dan tuduhan terhadap penjawat awam khususnya dan perkhidmatan awam umumnya.

Pada 1 Oktober 2013, genaplah 46 tahun Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dahulunya Badan Pencegah Rasuah (BPR), menjalankan operasinya memerangi rasuah sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1967. Namun sejarah membanteras rasuah di negara ini sebenarnya telah dilakukan lebih awal dari tarikh itu.

Bermula dengan tertubuhnya dua bahagian berasingan iaitu "Criminal Investigation Department (Special Crime)" di Jabatan Polis DiRaja Malaysia pada 15 Jun 1959 khusus untuk menyiasat kes-kes rasuah, dan Unit Pencegah Rasuah di bawah Jabatan Perdana Menteri pada 1 November 1960 bagi melaksanakan usaha-usaha pencegahan, maka pendakwaan terhadap mereka yang didakwa melakukan rasuah ketika itu dikendalikan Jabatan Peguam Negara.

Oleh kerana kewujudan tiga bahagian berasingan ini menyebabkan ketidakselarasan disegi pentadbiran, kelancaran dan keberkesanan dalam menguatkuasakan undang-undang, maka bahagian-bahagian ini telah digabungkan menjadi Badan Pencegah Rasuah (BPR) pada 1 Oktober 1967.

Pada 29 Ogos 1973, Badan Pencegah Rasuah ditukar namanya kepada Biro Siasatan Negara (BSN) dengan fungsinya yang lebih luas iaitu selain menyiasat kes rasuah, Biro ini diberi tanggungjawab menyiasat kes-kes yang bersangkutan paut dengan kepentingan negara. Struktur organisasinya juga diperkukuhkan dengan penyusunan pelbagai bahagian dan cawangan dengan pengkhususan tugas berbeza.

Pada 13 Mei 1982, nama Biro Siasatan Negara ditukar

Berbanding BPR, SPRM jauh berbeza. Agensi ini lebih mantap. Transformasi berterusan berjaya meningkatkan keupayaannya melalui penambahbaikan dalam semua aspek. Pelbagai pendekatan proaktif baik dalam operasi, modal insan mahu pun pencegahan dilakukan seimbang.

Transformasi infrastruktur dilaksanakan secara berperingkat. Dengan terbinanya tujuh kompleks pejabat di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor, Perak, Kelantan, Melaka dan Pahang lengkap dengan pelbagai kemudahan canggih termasuk bilik temuduga berveideo (VIR) dan kamera litar tertutup (CCTV), menjadikan SPRM kini antara agensi yang gah dan setanding dengan agensi penguatkuasa lain sama ada di dalam mahu pun luar negara.

Selain itu, kejayaan membongkar rasuah besar dan rasuah bersindiket dalam tempoh empat tahun kebelakangan ini membuktikan transformasi yang sedang dilakukan SPRM adalah langkah tepat.

Penubuhan Bahagian Operasi Khas pada tahun 2010 susulan cadangan Bidang Keberhasilan Utama Negara, yang dikhususkan kepada kes rasuah membabitkan nilai RM 1 juta dan ke atas, kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam memberi kesan besar kepada pambanteras rasuah berskala besar.

Kadar sabitan dan percaraan kes rasuah turut meningkat. Setakat lapan bulan pertama dari Januari hingga Ogos tahun ini, 172 orang berjaya disabitkan dalam kesalahan rasuah.

Penubuhan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah turut menyumbang kepada penyelesaian ketara banyak kes-

memerangi rasuah sehingga menarik perhatian dan pelbagai pengiktirafan di peringkat antarabangsa. SPRM diangkat sebagai model contoh negara luar kerana berjaya mengawal dan menurunkan kadar rasuah. Pengiktirafan antarabangsa dalam tempoh singkat program transformasi menandakan ia satu kejayaan bagi negara.

Dalam tempoh 46 tahun, rekod pencegahan rasuah di negara ini sentiasa dinamik. Pendekatan memerangi rasuah sentiasa berubah mengikut peredaran masa, manakala undang-undang yang berkaitan dengannya sentiasa diperhalusi dan diperkemas bagi mengatasi sebarang kekurangan.

Terkini, SPRM dan Peguam Negara sedang dalam proses meminda Akta SPRM bagi memberi skop perundangan yang lebih luas. Antaranya peruntukan liabiliti korporat, mewajibkan mana-mana individu mengisytiharkan harta tanpa perlu mengemukakan asas elemen rasuah. Begitu juga dengan pendedahan Laporan Ketua Audit Negara 2012, SPRM akan mencadangkan kepada Peguam Negara satu undang-undang baru bagi salah guna kuasa penjawat awam yang membelakangkan kepentingan awam untuk mendapat keuntungan diri sendiri dan syarikat yang membenarkan amalan rasuah itu berlaku.

Semua ini perlu dilakukan. Visi SPRM ialah mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada rasuah, manakala misinya ialah menghapuskan jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan secara berterusan.

Untuk itu, bagi memanjatkan kesyukuran ke hadirat Allah S.W.T. sempena sambutan ke-46, seramai 250 orang pegawai dan kakitangan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya menganjurkan Majlis Bacaan Yassin, Tahilil dan doa memohon keberkatan dan kekuatan untuk terus memerangi rasuah demi mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan yang sedang dinikmati rakyat negara ini.

Kejayaan ini akan diteruskan bagi menjadikan SPRM sebuah agensi yang sentiasa bergerak ke arah yang lebih baik dan cemerlang. Dengan slogan "Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah", pelbagai transformasi yang dilaksanakan pada tahun 2013 akan terus meningkatkan iltizam warga SPRM dan rakyat Malaysia untuk bersama-sama memerangi rasuah.

Transformasi SPRM menghasilkan impak jelas. Selain berjaya meningkatkan keupayaan pengurusan maklumat lebih sistematik dan efektif serta mempercepatkan tempoh siasatan melalui siasatan berpasukan, pelan transformasi juga memperkenalkan Bilik Temu Bual Berveideo (VIR) dan Bilik Gerakan Operasi Siasatan (BGOS).

kes rasuah dalam tempoh setahun. Pada 2012, kadar sabitan meningkat kepada 85 peratus. Pencapaian membanggakan dan melepasi piawaian antarabangsa. Disegi pencegahan, selaras dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif NKRA 1.0 dan 2.0 perangi rasuah di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP), selain aktiviti ceramah, pameran dan tayangan drama bersiri televisyen, elemen pendidikan diterapkan menerusi aktiviti Sekretariat Pencegahan Rasuah di Institut pengajian tinggi, maktab perguruan dan buku teks sekolah rendah dan menengah.

Pengenalan program Ikrar Integriti Korporat dan jalinan kerjasama melalui memorandum persefahaman (MoU) dengan pelbagai jabatan kerajaan dan swasta, berjaya mewujudkan persekitaran pematuhan sukarela dari agensi-agensi terbabit terhadap komitmen memerangi rasuah, meningkatkan tadbir urus baik dan mewujudkan persekitaran perniagaan yang sihat.

SPRM juga satu-satunya agensi pencegahan rasuah yang mempunyai akademi latihannya sendiri. Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) yang memberi pelbagai peluang menambah pengetahuan dan kemahiran bukan sahaja kepada warganya, malah kakitangan agensi penguatkuasa lain di dalam negara hinggalah di peringkat antarabangsa.

Tranformasi BPR kepada SPRM pada tahun 2009 jelas meningkatkan keupayaan Malaysia dan SPRM dalam

Yob KeeDare

Cerita lama berulang lagi. Laporan Ketua Audit Negara 2012 mendedahkan kepincangan yang sama. Tiadanya tindakan bersungguh-sungguh sebelum ini menyebabkan perkara pelik-pelik dalam pengurusan perbelanjaan kerajaan terus berlaku. Kakitangan jabatan kerajaan terlibat tidak pernah rasa takut, malu atau rasa bersalah.

Dari tahun ketahun isu agensi kerajaan membuat pembelian yang tidak munasabah masih berterusan. Soal harga menjadi permainan. Akibatnya berlaku pelbagai bayaran tidak wajar berjumlah jutaan ringgit. Bekalan barangan tidak menepati spesifikasi terus diterima dan dibuat pembayaran.

Berlaku ketirisan dalam program bantuan perumahan rakyat miskin. Berlaku kecuai dalam pengurusan aset. Wujud banyak kelemahan dalam pengurusan pembelian, tiada pemantauan terhadap kontrak kerajaan. terdapat agensi pelaksana tidak memberi perhatian serius terhadap projek yang dikendalikan.

Pembaziran kerana ketidakcekapan pengurusan kewangan ini merugikan rakyat dan negara. Membahayakan kedudukan kewangan kerajaan. Jika wang rakyat dibazirkan dalam jumlah yang melampau, perbelanjaan negara akan bertambah. Ini memungkinkan kerajaan terpaksa meningkatkan pinjaman.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memandang serius kelemahan dan ketirisan ini, dan akan menyiasat sehingga ke akar umbi Laporan Ketua Audit Negara 2012 yang telah dibentangkan di Parlimen itu. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab SPRM untuk menyiasat isu-isu yang tertakluk di bawah Akta SPRM



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2012 DISIASAT

Tindakan tegas perlu kerana salahlaku segelintir kakitangan yang membelakangkan kepentingan awam ini telah menjejaskan perbelanjaan negara dan memberi imej buruk kepada 1.4 juta penjawat awam di

Datuk Haji Mustafar Mohd. Ali

Pengarah Bahagian Siasatan SPRM

AUDIT 2012

SALAH SIAPA ?

Faridah Mahabob

Hasil pengauditan di kementerian dan jabatan kerajaan 2012 baru-baru ini telah dikemukakan dan dibentangkan. Hasilnya sebanyak 15 jabatan kerajaan, jabatan persekutuan, dan kementerian mempunyai pelbagai kelemahan dalam menguruskan dana awam yang diperuntukan. Isu itu menarik perhatian umum. Justeru bagi membincangkan hal ini, Karangkraf menerusi akhbar Sinar Harian telah menganjurkan satu wacana bertajuk Audit 2012 : Tiris atau terlepas pandang?.

Bagi menjawab persoalan mengenai isu ini empat orang panel telah diundang terdiri daripada Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Setiausaha Pubsiti DAP, Tony Pua, dan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Datuk Nur Jazlan Mohamed. Wacana dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (Ideas) Dr. Wan Saiful Wan Jan.

Dalam perbincangan yang mengambil masa selama 2 jam ini, pelbagai isu telah dikupas. Tan Sri Ambrin Buang menerangkan dengan terperinci bagaimana sesuatu audit dijalankan. Ambrin juga menjelaskan Jabatan Audit Negara mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP) tersendiri yang tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Audit dijalankan berdasarkan sample yang dipilih dan tidak wujud pilih kasih dalam isu audit ini. Beliau juga memaklumkan tujuan utama audit dijalankan adalah untuk mengatasi masalah salah guna kuasa, menghapuskan pembaziran dan mewujudkan perbelanjaan yang berhemah.

Namun demikian, apa yang berlaku pada 2012 menyaksikan masih banyak jabatan dan kementerian terlibat dalam pembaziran perbelanjaan dana kerajaan. Isu ini seolah-olah tiada sebarang tindakan yang tegas diambil. Menjawab persoalan ini, Datuk Nur Jazlan berkata tidak semua dalam laporan audit itu mempunyai isu ketirisan.

Semua pihak perlu menilai secara terbuka isu ini. Apabila laporan audit dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara, PAC akan teliti dan buat keputusan. Keputusan dibuat secara sebulat suara oleh semua ahli yang terlibat.

Umum mengetahui Parlimen terdiri daripada tiga cabang utama iaitu Yang Di Pertuan Agong, Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman. PAC merupakan jawatankuasa bebas yang dilantik oleh Parlimen yang lalu perlu dijadikan wakil-wakil rakyat kerajaan dan pembangkang. Tujuan utama PAC ialah memeriksa dan memantau urusan kewangan negara dan memastikan ketelusan pengurusan dan pentadbiran kewangan negara ditadbir secara baik dan sempurna.

Berhubung isu ketirisan, Tan Sri Abu Kassim menjelaskan sepatutnya ketua jabatan memainkan peranan kerana setiap pembelian dan perbelanjaan dalam sesuatu jabatan diluluskan oleh ketua jabatan. Orang ramai pula tidak boleh terus menerus menyalahkan pihak SPRM dan polis kerana dalam undang-undang, kecuai dan kelalaian bukan satu jenayah dan tidak boleh dituduh di mahkamah.

Abu Kassim juga mengingatkan rakyat, SPRM hanya menyiasat kesalahan memberi rasuah, menerima rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Tony Pua pula mengulas, sepanjang berada dalam PAC beliau tidak nampak sebarang hukuman berat yang dikenakan ke atas kesalahan kecuai, kelalaian dan penyalahgunaan dana ini. Pelbagai isu telah dibangkitkan setiap kali audit dijalankan. Hukuman yang paling berat pernah dikenakan ke atas pesalah hanyalah surat tunjuk sebab. Oleh yang demikian tidak ada kesedaran dalam diri kakitangan dan pegawai-pegawai di jabatan kerajaan untuk menguruskan perbelanjaan secara berhemah.

Beliau turut membandingkan sektor awam dengan sektor swasta dalam hal melakukan kesalahan. Menurut beliau, di sektor swasta sekiranya kakitangan melakukan kesalahan kerana kecuai, kakitangan tersebut boleh

2009 iaitu kes-kes yang berunsur rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan pemalsuan. Setakat ini 15 kertas siasatan telah dibuka di bawah akta ini bersabit laporan itu. Dua kes telah dihadapkan ke mahkamah manakala lima orang kakitangan kerajaan dikenakan tindakan tatatertib.

Sebuah pasukan khas turut ditubuhkan bagi mengambil tindakan tegas kepada mereka yang melakukan pelanggaran prosedur ini. SPRM telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Audit Negara bagi mendapatkan maklumat lanjut yang boleh membantu siasatan sebelum mengambil tindakan sewajarnya.

Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Mustafar Ali berkata pasukan Khas diketuai SPRM itu akan membentangkan hasil penemuan, pelan tindakan dan cadangan bagi mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat.

Masyarakat pula semakin memberi perhatian mengenai kelemahan pengurusan kewangan kerajaan. Setiap hujung tahun rakyat bagaikan ternanti-nanti Laporan Ketua Audit Negara untuk melihat kejutan-kejutan yang dipersembahkan segelintir kakitangan awam yang cuai, tidak cekap, sambil lewa dan lebih teruk mengamalkan rasuah.

Ini kerana pembaziran yang berlaku amat tidak masuk akal. berlaku sewenang-wenangnya. Melibatkan kerugian jutaan ringgit. Teguran Jabatan Audit Negara sejak beberapa tahun lalu seakan tidak dipandang serius. Saban tahun ketirisan terus berlaku. Sepatutnya teguran itu menjadikan kita lebih bertanggungjawab, berhemah, jujur dan amanah ketika menguruskan wang negara dan aset kerajaan. Namun apa yang berlaku adalah sebaliknya. Jika tiada tindakan, mungkinkah tahun hadapan kita akan menatap cerita yang sama.

dipecat. Jadi, setiap kakitangan akan bersikap berhati-hati dalam menjalankan tugas. Tony Pua berkata beliau percaya sekiranya pendekatan yang sama diambil oleh sektor awam, isu ketirisan ini dapat diatasi.

Dalam hujah penggultungan, Tan Sri Ambrin menyimpulkan tugas audit umpama lagu Kisah dan Tauladan. Audit dijalankan untuk menimbunkan ketakutan kepada setiap jabatan. Kisah-kisah audit yang lalu perlu dijadikan tauladan agar tidak berulang. Malangnya hari ini, audit ini orang tak ambil kisah langsung. Jika ada berlaku penyalahgunaan dana, ketua jabatan hanya perlu menjawab kepada PAC.

Bagi Tan Sri Abu Kassim pula, prosedur perlu diubah. Jika prosedur tidak diubah, apa yang terjadi pada Audit 2012 akan tetap berlaku sampai bila-bila. Orang ramai juga seharusnya peka dalam isu ini. Tidak semestinya jika berlaku ketirisan dalam sesebuah jabatan, jabatan itu "corrupt". Oleh itu, ketua jabatan perlu bertanggungjawab. SPRM sentiasa memberi kerjasama kepada semua jabatan dan individu. Sekiranya benar terdapat unsur rasuah yang berlaku, SPRM akan siasat.

Sependapat dengan Abu Kassim, Tony Pua menambah apa yang berlaku hari ini adalah apabila orang bijak berlagak bodoh. Bukan tidak percaya pada kerajaan, tetapi bagi beliau jika tidak ada kesedaran, umpama mencurah air ke daun keladi.

Wacana kali ke 24 ini bukan sahaja menjadi wadah mengupas isu-isu hangat bahkan turut menjadi medan melontarkan pendapat. Dalam isu ketirisan ini, banyak perkara yang perlu ditambahbaik dan diperbetulkan. Alasan kecuai dan kelalaian tidak harus diterima. Hukuman berat juga perlu diambil untuk menjadikan audit sebagai sesuatu yang menggerunkan. PAC sebagai jawatankuasa yang bertanggungjawab ke atas perbelanjaan wang negara perlu bertindak tegas dalam usaha mereka memastikan wang rakyat tidak terus dibazirkan.

JKTU SEMAK DAN KAJI DASAR KERAJAAN



Tan Sri Abu Kassim menerima cenderamata dari Pengerusi Perbadanan Labuan, Rozman Isli (dua dari kiri) sempena mesyuarat JKTU.

LABUAN – Apa juga isu berkaitan prosedur dan dasar kerajaan yang dibincang, disemak dan dicadang untuk penambahbaikan oleh jawatankuasa ini, akan dibawa ke peringkat lebih tinggi dimana semakan dan kajian selanjutnya akan dibuat.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Tan Sri Abu Kassim Mohamed berkata demikian selepas mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil dari kementerian dan jabatan kerajaan lain dalam Mesyuarat Urus Setia Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) Peringkat Kebangsaan Siri 12, di sebuah hotel di Labuan pada 21 Oktober lepas.

Menurut beliau, mana-mana isu yang memerlukan perubahan dasar yang besar dan mempunyai impak kepada pentadbiran kerajaan akan dibincang, dikaji dan disemak dalam mesyuarat ini dan keputusan yang telah dibuat oleh jawatankuasa ini akan dibawa ke peringkat atas untuk dibincangkan bersama Ketua Setiausaha Negara.

Selepas itu perbincangan selanjutnya akan dibuat oleh Jawatankuasa Khas kabinet dan dipengerusikan Perdana Menteri sendiri.

JKTU merupakan mekanisme penting yang perlu disokong dan sehingga hari ini jawatankuasa ini telah menghasilkan banyak polisi dan dasar-dasar baru dalam pentadbiran kerajaan.

Antaranya ialah penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM), aspek pencegahan dalam pengurusan tender, dan isu pemberian hadiah

kepada penjawat awam.

Ditubuhkan berpandukan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahun 1998, jawatankuasa ini mengarahkan semua ketua-ketua jabatan mempunyai terma rujukan berasaskan lapan perkara termasuk aspek sistem dan prosedur, peraturan, nilai-nilai murni dan pengesanan punitif.

Konsep ini digunakan ketika negara berhadapan ancaman komunis dimana ketika itu pelaporan-pelaporan dibawa ke atas untuk dibincangkan bagi menilai suasana dan isu-isu yang dibangkitkan diperingkat bawah.

Katanya, Perdana Menteri ketika itu telah mengarahkan SPRM untuk menyemak kaedah dan cara kita memerangi rasuah berdasarkan kajian-kajian yang telah dibuat di beberapa negara lain.

“Kita dapati pendekatan yang efektif memerangi rasuah bukanlah berasaskan satu institusi sahaja iaitu berharap kepada SPRM”.

“Tetapi ianya mesti berbentuk holistik dan bersepadu. Ia perlu dilihat secara makro berdasarkan dasar-dasar sedia ada. Melibatkan semua pihak, ketua-ketua jabatan, menteri, seluruh masyarakat dan “key communicator” yang ada”.

Turut dibincangkan dalam mesyuarat kali ini ialah isu pembabitian ‘orang tengah’ dalam perolehan kerajaan dan Laporan Audit Negara. Menurut beliau lagi, orang tengah didapati menjadi isu besar di negara ini. orang tengah akan menjadi satu industri sekiranya tiada peraturan dan dasar yang jelas diwujudkan

bagi mengawal pembabitian mereka dalam perolehan kerajaan.

“Beberapa kajian antarabangsa mendapati indeks persepsi kita tidak menurun adalah disebabkan sistem perolehan kita dan peranan orang tengah”.

“Seolah-olah setiap kali hendak mendapatkan tender dan sebagainya, kita mesti melalui orang tengah”.

“Walaupun isu itu berbentuk persepsi tetapi perlu diberi perhatian. Perlu diselesaikan dengan cepat bagi meningkatkan persepsi pencegahan rasuah di negara ini”.

Berhubung isu perolehan dan kesan laporan audit kepada pegawai kerajaan dan masyarakat, isu ini perlu diberi perhatian dan dibincangkan dimana peranan pegawai kerajaan dan ahli politik perlu diperjelaskan.

Pegawai kerajaan di peringkat bawah atau pelaksana perlu didedahkan kepada konsep ketelusan terutamanya dalam aspek-aspek perolehan.

Klausula perolehan perlu diperbetulkan, terutamanya dalam aspek-aspek tertentu ketika membuat keputusan.

Beliau berkata demikian dimesyuarat yang dihadiri 105 wakil kementerian dan jabatan kerajaan. Turut hadir Pengerusi Perbadanan Labuan, Rozman Isli dan Pengarah Biro Mencegah Rasuah Brunei, Datuk Paduka Dr Juanda Abdul Rashid.



PETRONAS DIKTIRAF BAGI KOMITMEN TADBIR URUS KORPORAT

Samsul Salip

Transperansi korporat merupakan komponen utama dalam usaha membanteras rasuah di sebalik keadaan ekonomi dunia kini yang pesat tidak menentu. Sebagai sebuah syarikat minyak dan gas Malaysia yang terkemuka di persada dunia, PETRONAS telah mengambil langkah menerajui pelaksanaan pelbagai aktiviti mencegah rasuah dalam usaha memantapkan lagi amalan tadbir urus korporat bagi seluruh Kumpulan Syarikat PETRONAS. Pelantikan Dato' Samsiah Abu Bakar dari SPRM sebagai Ketua Pegawai Integriti di PETRONAS sejak Jun 2012 banyak membantu syarikat gergasi berkenaan dalam merealisasikan perancangan ini.

PETRONAS telah mengambil pendekatan toleransi sifar terhadap rasuah dan melaksanakan sistem dan proses yang menyokong agenda transformasi kerajaan melalui NKRA Banteras Rasuah. Mereka turut mempekenalkan kempen 'No Gift Policy' sebagai salah satu inisiatif bagi menyemai sikap menjauhi sebarang amalan yang berbaur sogokan rasuah di kalangan pegawainya.

Melalui Ikrar Integriti Korporat (CIP) yang telah ditandatangani, ianya menunjukkan bahawa PETRONAS begitu komited untuk memupuk budaya integriti yang tinggi di kalangan pekerja serta rakan-rakan kongsi perniagaannya yang

turut merangkumi pihak kontraktor dan vendor.

Sebagai bukti akan komitmen ini, PETRONAS telah mencapai kedudukan kelima di antara 100 syarikat yang dikaji selidik dalam Laporan Transparency International 'Transparency in Corporate Reporting : Assessing Emerging Market Multinationals' yang diterbitkan pada 16 Oktober 2013.

Menurut laporan itu, PETRONAS memperolehi markah tertinggi untuk amalan melaporkan program-program anti rasuah serta ketelusan organisasi. Ini dinyatakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali Ibrahim semasa menyampaikan ucapan perasmian di Majlis Perasmian 'Petronas Corporate Integrity Advocacy Programme' di Institut Integriti Malaysia pada 28 Oktober 2013 yang lalu dengan keputusan berikut :

- Memperoleh skor 6.3 daripada 10 untuk syarikat terbaik di antara syarikat tidak tersenarai yang dikaji selidik
 - 88% di antara organisasi terbaik melaporkan program-program anti-rasuah berbanding 30% keputusan terdahulu
 - 100% markah tertinggi untuk ketelusan organisasi berbanding 38% keputusan terdahulu
- Program sehari yang menghimpunkan kira-kira 400 Pegawai-pegawai Kanan PETRONAS ini mendapat kerjasama dari Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia dan Institut Integriti Malaysia. Turut hadir di majlis tersebut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Tan Sri Dato' Shamsul Azhar Abbas; Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM Datuk Sutinah Sutan dan Presiden Institut Integriti Malaysia Datuk Dr. Mohd Tap Salleh yang sekaligus menyaksikan pelancaran buku 'Integrity Book Launch; How To Implement and Integrity Programme : A Guide for MDCEOs/CEOs, PETRONAS Group Of Companies”.

Majlis kemudiannya dilanjutkan dengan sesi forum bertajuk 'Learning Insight : The Do's and The Don'ts' yang menampilkan Tan Sri Dato' Seri Megat Najmuddin Megat Khas, Pengerusi PETRONAS Board Governance and Risk Committee sebagai moderator dengan ahli-ahli panel dianggotai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Siemens Malaysia Pakash Chandra; Presiden & Pengarah Urusan Alcatel Lucent Malaysia Fazlin Shah Mohd Salleh dan Pengurus Pematuhan & Etika Upstream Malaysia Sarawak Shell Bhd. Pauline Chang.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Abu Kassim Mohamed turut membentangkan kertas kerja bertajuk "Transforming Oil and Gas Business Eco-System : Anti-Corruption and Corporate Integrity Initiatives”.



Apa yang dibincangkan tu? Datuk Mohamed Azhari Kamil (kiri) membisikan sesuatu kepada Tan Sri Abu Kassim.

Seorang peserta bertanya beberapa soalan di majlis Penerangan Bersama Kesatuan Penghulu dan Pengawa seluruh Negeri Selangor yang berlangsung di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia di Jalan Duta.



Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim (kanan) menerima cenderamata dari Pengerusi Komisi Pembanterasan Korupsi Indonesia (KPK) Abraham Samad sempena majlis menandatangani Memorandum Persefahaman antara kedua-dua agensi anti rasuah itu di Ibu Pejabat SPRM pada 30 Oktober lepas.



Ketua Pegawai Eksekutif Asian Finance Bank Berhad (AFB), Datuk Mohamed Azhari Kamil memberi penerangan di Majlis Penerangan Anti Rasuah di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia pada 21 September lepas.



Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang menerima surat cara pelantikan dari Yang di-Pertua Agong, Tunku Abdul Halaim Mu'adzam Shah sempena pelantikannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah di Istana Negara pada 28 Oktober lepas.



Nik Sukiman (kiri) dari ILIM menerima surat Penempatannya ke SPRM dari Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustafa di Majlis Menandatangani Kerjasama Strategik antara JAKIM dan SPRM dengan disaksikan Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Mohd Shukri Abdul.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Abu Kassim (tengah) dan Pengerusi KPK Abraham Samad (tiga dari kanan) bergambar kenangan di lobi Ibu Pejabat SPRM sempena kunjungannya ke suruhajaya ini.



Beberapa orang pelajar mengambil bahagian menguji minda dalam Program PESONA anjuran Bahagian pendidikan Masyarakat yang diadakan di Ibu Pejabat SPRM pada 6 Oktober lepas.

Sebahagian pelajar sekolah menengah sekitar Putrajaya yang mengikut Program PESONA di Ibu Pejabat SPRM pada 23 September lepas.



Masa ni pulak suara teman tak keluar ! Pasukan Koir Majlis Perbandaran Kuala Kangsar mengadakan persembahan sempena majlis menandatangani Ikrar Integriti Korporat antara agensi itu dengan SPRM pada 27 September lalu.

Rasuah menindas SESAMA MANUSIA

Ahmad Yazid Yamani

Ajaran Islam yang dibawa Rasulullah s.a.w. mampu membangunkan manusia agar hidup seimbang dalam mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Allah banyak mengingatkan manusia melalui firmanNya supaya berusaha bersungguh-sungguh membangunkan dunia dan pada masa sama, serius menjaga iman dan hukum Allah demi kebahagiaan akhirat.

Allah berfirman yang bermaksud "Dan demikianlah kami telah jadikan kamu sebagai umat pertengahan yakni seimbang dalam amalan hidup di dunia dan akhirat supaya kamu menjadi saksi di atas perbuatan manusia dan Rasul pula akan menjadi saksi di atas perbuatan kamu". (Surah al-Baqarah, ayat 143).

Ketika ini, kita dapati banyak ketidakseimbangan berlaku dalam masyarakat khususnya masyarakat Islam hingga menyebabkan berlakunya pelbagai gejala buruk merangkumi kegiatan yang menjejaskan kemurnian akidah, sosial dan akhlak. Ini terjadi kerana adanya umat Islam yang tidak bertanggungjawab dan tidak bertakwa, menyebabkan Islam dipandang serong oleh orang lain.

Dan di antara isu sosial yang sering diperkatakan hari ini ialah jenayah rasuah membabitkan penjawat awam yang sebahagian besarnya beragama Islam. Statistik tangkapan sepanjang tahun 2012 menunjukkan bahawa, dari 701 individu yang ditahan dan didakwa oleh SPRM, 33.5 peratus adalah penjawat awam yang majoritinya beragama Islam.

Ini amat mengecewakan. Setiap kali membaca akhbar kita dapati orang yang paling banyak melakukan rasuah dan pecah amanah di negara ini adalah orang-orang yang memiliki nama-nama Islam.

Orang-orang yang terlibat dalam sindiket penjualan lot bazar Ramadan, sindiket haji ekspres, memalsukan dokumen orang mati dalam Amanah Raya Berhad dan pecah amanah 100 juta dalam Sime Darby Berhad semuanya memiliki nama-nama Islam. Apakah mereka tidak takutkan Allah.

Jika mereka takutkan Allah dan percaya adanya neraka, tentulah dalam mengejar kekayaan mereka tidak melakukan perbuatan terkutuk ini sehingga sanggup mencampakkan diri ke

lembah kebinasaan dan kehinaan.

Rasuah adalah perbuatan yang amat dilarang oleh Allah dan Rasul-Nya. Firman Allah yang bermaksud "Dan janganlah kamu makan (mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) sebahagian daripada harta manusia dengan (melakukan dosa), pada hal kamu mengetahui salahNya" (Surah al-Baqarah, ayat 188)

Manakala hadis yang diriwayatkan oleh Thauban, Rasulullah bersabda yang bermaksud: "Allah melaknat orang yang memberi rasuah dan orang yang menerima rasuah serta orang yang suka mengumpul harta hasil daripada perbuatan rasuah yang sentiasa mencari peluang di antara kedua-duanya."

Dalam Islam rasuah dianggap sebagai jenayah kerana amalan songsang ini mampu mendatangkan akibat buruk kepada konsep keadilan dalam sesebuah organisasi seterusnya kepada negara.

Rasuah yang berleluasa akan menyebabkan ketidakadilan, ketidakupayaan, pengabaian tugas dan tanggungjawab, penipuan, pemalsuan dan pengkhianatan. Segala kebenaran akan dilanggar, nafsu tamak haloba dan materialistik menjadi perkara pokok. Manusia menjadi individualistik. Masalah orang lain tidak perlu difikirkan, yang penting kekayaan mesti dikaut untuk kepentingan diri dan keluarga sendiri.

Gejala terkutuk ini akan menyebabkan ketidaktenteraman dan keamanan dan seterusnya akan menggugat kestabilan politik, ekonomi dan sosial sesebuah negara.

Nelayan kecil di pantai timur semenanjung dan dimana-mana pun di negara ini mungkin tidak menjual bot mereka jika tidak ditindas nelayan asing yang berjaya merasuah penguatkuasa yang ditugaskan menjaga kepentingan mereka, tetapi telah mengkhianati amanah.

Pendatang asing bebas berniaga ketika gerai rakyat negara ini yang didakwa berniaga tidak mengikut peraturan sentiasa dipantau dan dirobohkan.

Rumah urut dan kilang haram menjadi perniagaan yang menguntungkan, apabila sekelompok kecil penguatkuasa pihak berkuasa

tempat yang ramainya beragama Islam, yang beruniform segak dan berkaca mata hitam supaya kelihatan garang dan bengis tetapi buat-buat tidak perasan wujudnya premis haram ini.

Air kencing penagih yang ditahan oleh penguatkuasa berkaitan dadah boleh jadi negatif jika ditebus dengan bayaran sehingga beribu ringgit. Ramai ibu bapa dan remaja yang menjadi mangsa mengeluh, tetapi tiada yang mahu melaporkan

Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa perbuatan rasuah berlaku di mana-mana. Ia dianggap sebagai satu perkara yang lumrah. Pemberi memberi kerana ada keperluan atau berlaku ugutan, manakala penerima menerima rasuah kerana mereka memiliki kuasa untuk mengambil tindakan.

Apa yang dipaparkan di atas itu hanya sebahagian kecil contoh amalan rasuah yang terpaksa dihadapi rakyat bawahan, tetapi menjadi duri dalam kehidupan. Ayat lazim yang sering dituturkan rakyat yang dinafikan hak ini ialah "laporan telah banyak kali dibuat, tetapi sehingga kini masih tiada tindakan".

Rasuah menyebabkan banyak masalah awam tidak dapat diselesaikan. Akibatnya orang awam menanggung kesukaran. Namun jika perkara ini ditanyakan kepada pihak yang berkenaan, mereka akan menafikan sekeras-kerasnya, malah sanggup bersumpah palsu. Malah ada yang berani memberi keterangan di mahkamah bercanggah atau berpaling tadah dengan keterangan asal. Malangnya mereka yang berani melakukan dosa ini adalah orang Islam.

Membanteras rasuah memerlukan kerjasama semua pihak. Sebarang kegiatan rasuah perlu dibongkar dengan melaporkan kepada pihak berkuasa, seterusnya sanggup menjadi saksi terhadap kes yang didakwa di mahkamah.

Jangan bersubhat dengan mereka yang melakukan rasuah. Marilah sama-sama kita membanteras jenayah itu dan menjadikan diri kita dari golongan orang yang cenderung mencegah kemungkaran dan mengajak kepada kebaikan selaras dengan firman Allah yang bermaksud "Dan hendaklah ada di kalangan kamu orang yang mengajak kepada kebaikan dan menyuruh kepada mengerjakan yang benar dan melarang daripada kemungkaran. Mereka itulah yang beruntung" (Surah Al-Imran, ayat 104).

Abu Zahar PENGERUSI BARU JKMR

BANDAR SERI BEGAWAN – Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Abu Kassim Mohamed dianugerahkan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B) yang membawa gelaran Dato Paduka.

Anugerah Darjah Kebesaran sempena Hari Keputeraan ke-67 Sultan Brunei Darussalam, Sultan Hassanal Bolkiah itu berlangsung di Istana Nurul Iman pada 15 September lepas.

Tan Sri Abu Kassim menyifatkan pengurniaan itu satu pengiktirafan dan penghargaan kepada beliau dan SPRM, malah kepada rakyat dan kerajaan Malaysia yang selama ini sentiasa mempunyai hubungan rapat, baik di peringkat kerajaan mahu pun rakyat kedua-dua negara.



Anggota JKMR yang baru dilantik dari kiri ke kanan Takiyuddin Hassan, Tan Seng Giaw, Doris Sophia,

Pengurniaan ini sebagai pengiktirafan terhadap kerjasama erat SPRM dan Biro Mencegah Rasuah (BMR) Brunei khususnya dalam operasi membanteras jenayah merentasi sempadan yang telah terjalin hampir sedekad lalu.

Pernah disenaraikan sebagai individu ke-4 paling berpengaruh dari kalangan 100 individu berpengaruh di seluruh dunia oleh Ethispere yang beribu pejabat di New York, Amerika Syarikat pada 31 Januari 2013, Anugerah dari Sultan ini merupakan siri pengiktirafan berterusan pelbagai pihak di peringkat antarabangsa yang melihat SPRM sebagai agensi paling komited dalam membanteras rasuah di rantau ini.

SPRM dan BMR baru sahaja selesai mengadakan mesyuarat di Bandar Seri Begawan pada 9 dan 10 September lepas. Mesyuarat tahunan ini merupakan jalinan kerjasama dua hala yang memberi tumpuan kepada perkongsian kaedah siasatan, pertukaran maklumat, perbincangan idea dan pengalaman serta operasi bersama khususnya melibatkan jenayah rentas sempadan.

Kerjasama SPRM dan BMR ini telah menarik perhatian Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai dadah dan jenayah (UNODC) sepertimana dalam laporan penilaian mereka yang mengiktiraf kerjasama ini sebagai antara amalan baik dalam menguatkuasakan undang-undang memerangi rasuah.

KETUA PESURUHJAYA SPRM

TERIMA ANUGERAH SULTAN BRUNAI

BANDAR SERI BEGAWAN – Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Abu Kassim Mohamed dianugerahkan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B) yang membawa gelaran Dato Paduka.

Anugerah Darjah Kebesaran sempena Hari Keputeraan ke-67 Sultan Brunei Darussalam, Sultan Hassanal Bolkiah itu berlangsung di Istana Nurul Iman pada 15 September lepas.

Tan Sri Abu Kassim menyifatkan pengurniaan itu satu pengiktirafan dan penghargaan kepada beliau dan SPRM, malah kepada rakyat dan kerajaan Malaysia yang selama ini sentiasa mempunyai hubungan rapat, baik di peringkat kerajaan mahu pun rakyat kedua-dua negara.

Pengurniaan ini sebagai pengiktirafan terhadap kerjasama erat SPRM dan Biro Mencegah Rasuah (BMR) Brunei khususnya dalam operasi membanteras jenayah merentasi sempadan yang telah terjalin hampir sedekad lalu.

Pernah disenaraikan sebagai individu ke-4 paling berpengaruh dari kalangan 100 individu berpengaruh di seluruh dunia oleh Ethispere yang beribu pejabat di New York, Amerika Syarikat pada 31 Januari 2013, Anugerah dari Sultan ini merupakan siri pengiktirafan berterusan pelbagai pihak di peringkat antarabangsa yang melihat SPRM sebagai agensi paling komited dalam membanteras rasuah di rantau ini.

SPRM dan BMR baru sahaja selesai mengadakan mesyuarat di Bandar Seri Begawan pada 9 dan 10 September lepas. Mesyuarat tahunan ini merupakan jalinan kerjasama dua hala yang memberi tumpuan kepada perkongsian kaedah siasatan, pertukaran maklumat, perbincangan idea dan pengalaman serta operasi bersama khususnya melibatkan jenayah rentas sempadan.

Kerjasama SPRM dan BMR ini telah menarik perhatian Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai dadah dan jenayah (UNODC) sepertimana dalam laporan penilaian mereka yang mengiktiraf kerjasama ini sebagai antara amalan baik dalam menguatkuasakan undang-undang memerangi rasuah.



BULETIN
SURUHANJAYA
PENCEGAHAN
RASUAH
MALAYSIA

SPRM-KPK WUJUDKAN 'OPERATIONAL WORKING GROUP'

PUTRAJAYA – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Komisi Pemberantasan Korupsi Indonesia (KPK) mengambil inisiatif merapatkan lagi jalinan kerjasama strategik yang telah lama wujud dengan menandatangani satu Memorandum Persefahaman di Ibu Pejabat SPRM pada 30 Oktober lepas.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim berkata "Antara bidang kerjasama penting yang akan diberi tumpuan dalam persefahaman ini termasuklah pertukaran maklumat rasuah dan penyalahgunaan kuasa melibatkan anti-money laundering, siasatan, pendakwaan dan pencegahan."

Bidang lain yang akan diberi penekanan sama ialah perkongsian teknik penyiasatan, maklumat penyelidikan pencegahan rasuah khususnya pendidikan masyarakat, latihan, program sandaran dan pertukaran kepakaran dalam pelbagai bidang terutamanya operasi, siasatan dan pencegahan.

Kerjasama strategik kedua-dua agensi ini sebenarnya telah pun lama terjalin walaupun sebelum menandatangani perjanjian persefahaman. Sejak tahun 2006, 133 oran pegawai KPK pernah mengikuti latihan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

KPK juga banyak membantu SPRM untuk mengesan saksi-saksi dalam siasatan dan pendakwaan melibatkan warga Indonesia, malah sejak tahun 2010 sejumlah enam bantuan kerjasama siasatan iaitu empat bantuan SPRM kepada KPK dan dua bantuan KPK kepada SPRM berjaya disempurnakan.

Susulan itu, SPRM dan KPK mengadakan mesyuarat dua hala dengan mesyuarat bilateral yang pertama telah dilangsungkan di Ibu pejabat SPRM. Beberapa perkara telah dipersetujui dimana kerjasama akan diteruskan secara lebih berstruktur supaya pendekatan memerangi rasuah boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Persetujuan juga dicapai bagi membentuk

"Operational Working Group" di mana beberapa perkara penting dan teknikal akan dibincangkan di mesyuarat akan datang. Pengerusi KPK, Abraham Samad berkata MoU ini diharap dapat meningkatkan kerjasama dua agensi terutamanya dalam bidang pencegahan mahu pun operasi. Berkongsi pengalaman melalui latihan bersama, pertukaran maklumat terutamanya dalam kes yang memerlukan risikan, latihan siasatan dan mengesan saksi. Terima kasih SPRM dan kepimpinannya yang sering memberi sokongan padu.

MoU ini ditandatangani Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Abu Kassim dan Pengerusi KPK Abraham Samad.

Hadir sama di majlis ini Yang di-Pertua Dewan Negara yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) Tan Sri Abu Zahar Ujang dan Duta Besar Indonesia ke Malaysia, TYT Herman Prayitno.

KERJASAMA STRATEGIK: JAKIM DAN SPRM BERTUKAR PEGAWAI

PUTRAJAYA – JAKIM dan SPRM melakar lembaran baru dengan memeterai kerjasama strategik melalui program penempatan silang bagi mengukuhkan kerjasama dua pihak menerusi perkongsian pengalaman dan kepakaran.

Kerjasama ini adalah rentetan 23 kerjasama strategik yang dilakukan SPRM dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan institut-institut pengajian tinggi sebelum ini sebagai salah satu usaha menangani masalah rasuah di semua peringkat.

Majlis menandatangani kerjasama ini disempurnakan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JAKIM, Awang Khalid Mat Ali dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisma) SPRM, Datuk Zakaria Jaffar dan disaksikan Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustapha dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM Datuk Mohd Shukri Abdull.

Datuk Shukri berkata, berlaku penurunan ketara maklumat berkaitan rasuah dan isu integriti di agensi-agensi yang telah ditempatkan pegawai SPRM. Ini

menunjukkan pengalaman dimiliki pegawai-pegawai SPRM memberi khidmat nasihat dan panduan berhubung masalah integriti dan gejala rasuah melalui program yang dianjurkan berkesan.

Menurut beliau lagi, Pegawai-pegawai SPRM yang ditempatkan di JAKIM berpengalaman luas dalam bidang siasatan, perisikan dan undang-undang dan merupakan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO).

Sementara itu Datuk Othman berkata, selain menggalakkan pegawai-pegawai JAKIM menimba pengalaman baru, penempatan silang ini boleh menjadikan perkhidmatan berhubung hal ehwal Islam bersifat melata. Sekiranya program ini memberi impak positif, JAKIM bercadang untuk meluaskan jalinan kerjasama strategik ini dengan lain-lain agensi kerajaan termasuk syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Pegawai SPRM yang akan ditempatkan di Bahagian Hub Halal, JAKIM ialah PsK Ahmad Shafik Abdul Rahman dari Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan, manakala Ps Mohamad Nasir Mat jam dari Bahagian Pendidikan Masyarakat ditempatkan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) mulai 1 Oktober



Datuk Zakaria Jaffar (kanan) bertukar dokumen kerjasama dengan Awang Khalid Mat Ali disaksikan Datuk Othman Mustafa (kiri) dan Datuk Seri Mohd Shukri Abdull.

lepas. Pada tarikh sama Puan Siti Razmah Idris dari Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) ditempatkan di Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan di Ibu Pejabat SPRM, sementara Nik Sukiman Nik Yusoff juga dari ILIM menjalankan tugas di Bahagian Pendidikan Masyarakat.

BULETIN
SURUHANJAYA
PENCEGAHAN
RASUAH
MALAYSIA

MPKK SERTAI CIP

KUALA KANGSAR – Berhasrat memerangi rasuah, meningkatkan integriti di kalangan kakitangannya dan mengubah persepsi awam terhadap kredibiliti pihak berkuasa tempatan (PBT), Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) menjadi agensi berkuasa tempatan pertama di Negeri Perak menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Daya usaha yang dilakukan oleh MPKK ini sewajarnya menjadi contoh baik sekali gus menyokong agenda membanteras gejala rasuah di



Datuk Sutinah Sutan (tiga dari kiri) di Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat oleh Yang Dipertua MPKK, Abdul Halim Hamid (dua dari kanan).

negara ini, justeru keputusan Majlis Perbandaran ini menandatangani CIP adalah bagi memperkemas lagi usaha-usaha membasmi rasuah supaya lebih sistematik, berstruktur dan berterusan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Sutinah Sutan berkata, sejak tahun 2010 sebanyak 280 agensi kerajaan dan swasta telah menandatangani CIP sebagai satu ikrar terbuka terhadap komitmen memerangi rasuah selain langkah mengukuhkan integriti dalam agensi masing-masing.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis menandatangani Ikrar Integriti Korporat oleh Yang Dipertua MPKK, Abdul Halim Hamid pada 27 September lepas.

Menurut beliau lagi, setiap organisasi yang menandatangani CIP perlu mengamalkan lima prinsip iaitu mempromosi nilai, ketelusan, integriti, tadbir urus baik dan mengukuhkan mekanisme kawalan dalaman bagi menyokong usaha-usaha pencegahan rasuah yang dilaksanakan sama ada oleh agensi itu sendiri, atau inisiatif yang digerakkan oleh kerajaan atau SPRM.

Pastikan tiada ketirisan dalam FELCRA

KUALA LUMPUR – Pembanterasan rasuah perlu dilakukan bersungguh-sungguh supaya kestabilan politik dan pentadbiran negara menuju negara maju 2020 tercapai.

Justeru kerjasama dari segi pencegahan dan penguatkuasaan antara SPRM, kerajaan dan rakyat menjadi faktor yang mempengaruhi pengurangan gejala rasuah daripada terus berleluasa di negara ini.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Pembangunan Wilayah, Datuk Seri Safie Apdal berkata demikian dalam majlis menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) antara SPRM dan Felcra di Wisma Felcra pada 9 September lepas.

Hadir sama Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Sutinah Sutan; Pengerusi Felcra Datuk Bung Moktar Radin dan Ketua Pegawai Eksekutif Felcra, Datuk Ramli Abu Bakar.

Beliau menambah, pihaknya sentiasa melakukan pemantauan bagi memastikan tidak berlaku unsur-unsur penyelewengan dan ketirisan dalam agensi tersebut dimana pentadbiran kewangan Felcra diaudit oleh juruaudit bertauliah dalaman dan luar.

Ikrar ini akan mempromosi dan mendidik semua lapisan pekerja agensi ini supaya bersama mendokong dan merealisasikan urus tadbir korporat yang telus dan cemerlang.

Di majlis sama Datuk Sutinah berkata, sehingga kini sebanyak 273 syarikat milik kerajaan (GLC) dan swasta telah memeterai CIP. Setakat ini pemantauan berterusan dan audit oleh SPRM mendapati tiada syarikat yang telah menandatangani program ini melanggar peraturan atau terlibat dengan jenayah rasuah.

Ini kerana CIP memberi penekanan dalam aspek-aspek membaiki kawalan dalaman organisasi terutamanya sistem dan prosedur.

Tan Sri Abu Kassim (kiri) menyampaikan Sijil Penghargaan kepada Datuk Mohamed Azahari di Majlis Penerangan Anti Rasuah di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia.



ASIAN FINANCE BANK MANTAPKAN TADBIR URUS, INTEGRITI

KUALA LUMPUR – Sebagai institusi kewangan Islam, setiap amalan perbankan perlu dilaksanakan secara berintegriti dan bermoral selari dengan prinsip Islam dan berlandaskan Al- Quran yang secara jelas mengutuk amalan rasuah.

Ketua Pegawai Eksekutif Asian Finance Bank Berhad (AFB), Datuk Mohamed Azahari Kamil berkata demikian di Majlis Penerangan Anti Rasuah di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia pada 21 September lepas.

Menurut beliau, program seumpama ini dilaksanakan bagi mendidik kakitangan bank tentang peranan membanteras rasuah dan amalan yang mengutamakan tadbir urus terbaik.

Taklimat bertajuk 'Rasuah dalam sektor perbankan: Isu dan Cabaran' disampaikan oleh Pengarah Bahagian Siasatan SPRM Datuk Mustafar Ali, manakala Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Datuk Sutinah Sutan berkongsi pengalaman mencegah rasuah dan memberi penerangan berkaitan peranan dan struktur SPRM kepada peserta yang hadir.

AFB merupakan bank pertama menganjurkan taklimat pencegahan rasuah bersama SPRM bagi membentuk dasar dan prosedur perbankan ke arah mewujudkan amalan tadbir urus baik.

INTEGRITI PENTING ELAK RASUAH

- Shafie Apdal



Datuk Seri Shafie Apdal (tiga kiri) dan Datuk Seri Ahmad Said (tengah) di Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat di antara KETENGAH, MARDI dan SPRM.

KUALA TERENGGANU – Penerapan nilai integriti penting bagi mengelak berlakunya ketirisan, rasuah atau cara kerja yang tidak baik khususnya di kalangan penjawat awam di bawah agensi Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Ini penting kerana setiap tahun agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan FELCRA diberi peruntukan besar bagi membantu rakyat di luar bandar.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Shafie Apdal berkata demikian selepas majlis menandatangani memorandam persefahaman (MoU) antara Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta Ikrar Integriti bersama SPRM pada 29 September lepas.

Majlis dihadiri Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Said, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Ibrahim Muhammad, Penggerusi MARDI Fadil Osman dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Sutinah Sutan.

Shafie berkata "Dengan adanya pemantauan dan kerjasama daripada SPRM, saya yakin akan wujud kesedaran kepada anggota untuk memberi perkhidmatan terbaik".

Beliau juga meminta SPRM melakukan lawatan lebih kerap ke agensi-agensi ini bagi memantau keberkesanan perkhidmatan mereka sama ada berlaku peningkatan integriti untuk mengelak amalan rasuah.

Ketika berucap di majlis yang sama Sutinah Sutan berkata, SPRM bersedia memberi bantuan disegi latihan kepada mana-mana agensi yang serius membanteras gejala rasuah.

Sehubungan itu MARDI dan KETENGAH disaran mewujudkan unit integriti bagi memudahkan urusan membina pelan integriti, pembangunan berisiko dan melatih pegawai-pegawainya.

PROGRAM 'PERSONA' PERSONALITI AGUNG Membentuk Personaliti Unggul Pelajar



PUTRAJAYA – Agenda pembanteras rasuah perlu bermula dari bangku sekolah. Saranan ini diajukan memandangkan golongan pelajar adalah 'aset' yang amat bernilai dalam meneruskan agenda kecemerlangan negara pada masa depan.

Selaras dengan Program Transformasi Kerajaan di bawah inisiatif yang menumpukan kepada pendidikan pencegahan rasuah di kalangan pelajar, penganjuran program 'Persona' Personaliti Agung pada 6 Oktober itu bertujuan membina remaja berintegriti dan bermoral ke arah melahirkan generasi muda yang bebas rasuah.

Program sehari itu diadakan di Dewan Serbaguna Aras B2, Blok D6, Kompleks D, Putrajaya bermula jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang. Selain disertai 200 orang pelajar tingkatan 4, 5 dan 6 dari beberapa buah sekolah menengah sekitar Putrajaya dan Selangor, turut dijemput adalah ibu bapa pelajar yang terlibat untuk bersama dalam sesi "Bersama Ibu Bapa" yang diadakan di penghujung program.

Abdul Halek Rahman dari Words of Wisdom Coaching mengendalikan pelbagai acara sepanjang program berlangsung, antaranya sesi Take It Or Leave It, Star Walk dan sesi Oh Generasiku.

Setiap aktiviti yang dijalankan bermatlamat meningkatkan motivasi sekaligus mencetuskan kesedaran pelajar tentang peranan dan tanggungjawab mereka sebagai anak dan pelajar, di samping menerap semangat dan azam yang tinggi terhadap bidang pelajaran seterusnya menjadi pelajar yang cemerlang dan berjaya pada masa hadapan.

Bagi sesi Bersama ibu bapa, program ini memberi pendedahan berkenaan ilmu keibubapaan khususnya dalam membantu anak-anak menghadapi persediaan mental dan menguruskan emosi sebelum dan sewaktu menghadapi peperiksaan.

Majlis penutup dan penyampaian sijil kepada peserta disempurnakan Ketua Integriti, Kementerian Pelajaran Malaysia Wan Yusoff Wan Ibrahim

PENGHULU DAN PENGAWA DISARAN MENJADI MATA, TELINGA DAN LIDAH SPRM



KUALA LUMPUR - Penghulu dan Penggawa merupakan individu penting dalam masyarakat. Berperanan menyalurkan informasi dan seterusnya menjadi medium untuk menyampaikan harapan dan masalah rakyat kepada kepimpinan negara.

Selaras dengan peranannya itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi Cawangan Sosio Budaya, Bahagian Pendidikan Masyarakat mengambil inisiatif mengadakan Majlis Penerangan Bersama Kesatuan Penghulu dan Penggawa Seluruh Negeri Selangor pada 3 Oktober lepas di Akademi Pencegahan Rasuah (MACA), Persiaran Duta.

Objektif utama majlis ini dianjurkan bertujuan memberi penjelasan kepada peserta berhubung peranan dan fungsi SPRM selain menjadikan peserta sebagai rakan dan agen pembangunan mesej anti-rasuah memandangkan kumpulan ini adalah 'key communicator' dan pemimpin yang paling hampir dengan masyarakat.

40 orang Penghulu dan Penggawa mengikuti taklimat berkaitan peranan dan halatuju SPRM oleh Ketua Cawangan Sosio Budaya, Shahami Hashim. Manakala sesi soal jawab dan penerangan mengenai isu-isu semasa dan apakah peranan yang boleh disumbangkan oleh penghulu dan pengawa sebagai medium perantaraan SPRM dikendalikan Timbalan Pengarah, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Abdul Samat Kasah.

Beberapa soalan dan saranan yang dibangkitkan peserta ketika Sesi soal jawab berjaya merungkai kemuskilan dan diyakini dapat membantu SPRM yang sedang berusaha meraih sokongan padu masyarakat. Sijil dan cenderahati kepada peserta disampaikan Pengerusi Kesatuan Penghulu dan Penggawa Seluruh Negeri Selangor, Adzman Saring.



Bersama Perangi

RASUAH...

...Kerana RASUAH

Membawa

KESENGSARAAN



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Panggilan Talian Bebas Tol kami:

1-800-88-6000

BEBAS • TELUS • PROFESIONAL

Email: info@sprm.gov.my

Web: www.sprm.gov.my

SMS: 019-6000 696